

# Gabungan Pas, Semangat 46 dan DAP Musuh BN tubuh Barisan Tiruan

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad **menggelarkan gabungan parti-parti pembangkang yang bercita-cita menggulingkan Barisan Nasional (BN) sebagai Barisan Tiruan (BT).**

Perdana Menteri berkata ini kerana parti pembangkang itu — Semangat 46, DAP, Pas, Berjasa dan Hamim — dipelopori oleh pemimpin semangat tiruan.

“Barang tiruan tentulah kurang baik daripada barang asal. Semangat mereka yang sebenar hanya untuk memenuhi kepen-

tingan diri sendiri. Oleh itu, rakyat hendaklah berjaga-jaga dan berfikir secara mendalam sama ada mahu menggantikan kerajaan yang ada sekarang dengan kerajaan parti pembangkang,” katanya sewaktu merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Kebangsaan ke-19, di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata parti-parti pembangkang kini berhempas-pulas meniru kejayaan dan kekuatan BN bagi menubuhkan gabungan yang mereka harapkan dapat berfungsi seperti BN.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu tidak akan berjaya kerana tujuan mereka hanyalah untuk mengabui rakyat dan mendapat undi daripada rakyat.

- Penghulu kena ancam — Muka 2
- Erti politik BN — Muka 10

Tiruan  
mimpikan

## DARIMUKA

cu ba tidur sebanal tetapi mimpikan perkara yang bertentangan. Kcsannya rakyat sendiri akan menderita,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, BN sebagai parti yang bertanggungjawab tidak akan membenarkan gejala buruk ini menimpa rakyat dan negara.

Beliau turut mengecam tindakan parti lawan yang membakar akhbar dan mengugut untuk membinasakan wartawan Semangat 46 kerana mereka tidak

tetapi

menyokong

satu akhbar yang tidak menyokong mereka.

“Jika mereka memerintah, sudah tentulah New Straits Times, Berita Harian dan Utusan Melayu serta beberapa akhbar Cina dan Tamil ditutup dan wartawan dibuang kerja, melainkan jika wartawan itu menyokong parti mereka,” katanya.

Mengenai tindakan MTUC dan parti pembangkang yang menyokong penarikan Skim Keutamaan Am (GSP) yang diberikan kepada Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka adalah lumpuan yang mengancam hak pekerja di negara ini.

“Dengan menyatakan bahawa kerjasama akan dirundingkan selepas memenangi pilihanraya umum, terbuktiilah niat mereka hanya untuk memperdayakan pengurdi,” katanya.

“Pelekat di antara dua pihak yang bertentangan haluan mengenai cita-cita dan perjuangan masing-masing ialah Semangat 46, yang dianggotai oleh manusia yang kecewa.

“Rakyat tahu bahawa satu pihak mahu menubuhkan negara Islam manakala yang satu lagi menentang sebarang unsur ke-Islaman, dan pelekat kepada dua pihak yang bertentangan ini ialah kumpulan manusia yang dikuasai oleh kekecewaan,” katanya.

Di sekeliling parti ini pula, katanya, ada banyak parti oportunis, termasuk mereka yang menggugurkan ideologinya daripada sosialis kepada kapitalis dan pemimpin tertentu MTUC.

“Saya percaya rakyat sedar risiko dan kesan menyokong puak seumpama itu, yang

- SILA UHAT MUKA 2